

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID  
BIN IBRAHIM [SHAH ALAM]**

**TARIKH : -**

**SOALAN**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim minta MENTERI TENAGA,  
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan status terkini proses mengambil  
alih konsesi air di Selangor.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Susulan daripada permeteraihan Perjanjian Kemudahan, Perjanjian Pajakan, Perjanjian Hak Guna dan Perjanjian Penyelesaian bagi memuktamadkan penstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 8 September 2015, pihak-pihak kepada Perjanjian sedang mengambil tindakan-tindakan yang berkaitan dalam memenuhi obligasi di bawah Perjanjian Utama dan *Conditions Precedent* (CPs) di bawah Perjanjian Pajakan.
2. Pihak Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah memuktamadkan pengambilalihan Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. (PNSB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd (SYABAS) pada 15 Oktober 2015, manakala pengambilalihan Konsortium ABASS Sdn. Bhd. (ABASS) pula telah dimuktamadkan pada 26 Februari 2016.
3. Proses pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH) oleh Air Selangor masih dalam peringkat rundingan. Pengambilalihan ini perlu dimuktamadkan selewat-lewatnya sebelum 7 Oktober 2016.

\*\*\*\*\*